

Dr M akur keputusan kerajaan

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedia menerima apa juga keputusan kerajaan dan parti berhubung kedudukannya sebagai penasihat beberapa agensi kerajaan serta keanggotaannya dalam Umno.

"Itu hak dia (kerajaan), dia orang nak buang saya buanglah... saya akan akur semuanya," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke beberapa projek Pembangunan di sini, semalam.

Dr Mahathir diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Langkawi (Lada), Kamaruzzaman Abdul Ghani.

Beliau diminta mengulas gesaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid supaya melepaskan jawatan sebagai Penasihat Petronas, Proton dan Lada jika ingin terus mengkritik kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya mengenai kenyataan Ketua Pemuda Umno Kedah, Mohd Rawi Abdul Hamid yang mahu Umno Pusat mengambil tindakan tegas terhadapnya, Dr Mahathir berkata, ia terserah kepada kerajaan dan MT.

"Saya tidak akan bantah, saya akur kerana itu semua adalah hak mereka selaku kerajaan dan parti," katanya sinis.

Ditanya kemungkinan usaha itu bertujuan untuk meminggirkan beliau, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah... itu hak mereka."

Ketika ditanya mengenai kedudukan Umno berikutan perselisihan pendapat antara beliau dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Umno mendapat sokongan rakyat keseluruhannya, itu mengikut apa yang saya dengar hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau juga sedang mempertimbangkan dengan mendalam mengenai cadangan Umno Bahagian Kubang Pasu supaya beliau tidak terlalu kritikal terhadap kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri.

Sementara itu, katanya, beliau masih memikirkan sama ada ingin menghadiri Perhimpunan Agung Umno pertengahan bulan ini dan mengesahkan sudah mendapat jemputan ke perasmian mesyuarat Pergerakan Wanita, Puteri, Pemuda, makan malam Presiden dan Timbalan Presiden serta perasmian mesyuarat agung parti.